

## **Kajian Sistematis Terhadap Pengaplikasian Garis Panduan Pampasan Kemalangan Jalan Raya Berasaskan Sistem Diat Di Malaysia**

MUHAMAD DARWISY MOHD RAZALI

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia  
email [muhddarwisy91@gmail.com](mailto:muhddarwisy91@gmail.com)

LUKMAN ABDUL MUTALIB

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia  
email [lukman@usim.edu.my](mailto:lukman@usim.edu.my)

AHMAD SYUKRAN BAHARUDDIN

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia  
email [ahmadsyukran@usim.edu.my](mailto:ahmadsyukran@usim.edu.my)

### **ABSTRAK**

Diat merupakan satu mekanisme alternatif dalam sistem penghukuman jenayah pada masa yang sama juga memberikan pampasan atau ganti rugi kepada mangsa atau warisnya. Lebih-lebih lagi dalam kes tuntutan pampasan bagi mereka yang terlibat dalam kemalangan jalan raya. Rata-rata mereka yang terlibat dalam kemalangan jalan raya tidak memiliki insurans atau takaful bagi memulihkan dan membantu mereka. Di samping itu, pihak mangsa atau waris turut merasai kesan dan impak tersebut seperti hilangnya kebergantungan punca rezeki dan pendapatan dalam sesebuah keluarga. Perkara ini tercetus apabila tiadanya tuntutan atau pampasan yang jelas yang dapat membantu dan memberi keadilan sewajarnya kepada mangsa dan pihak mangsa. Oleh itu, sistem diat perlu dikaji secara terperinci dan mendalam dari segi konsep dan implimentasiannya supaya dapat mengikut arus realiti semasa di Malaysia. Lantaran itu, kajian ini ingin menganalisis pengaplikasian garis panduan pampasan kemalangan jalan raya berasaskan sistem diat di Malaysia melalui kaedah sorotan sistematik (SLR). Kajian ini menggunakan metodologi PRISMA iaitu hasil data dari carian melalui laman sesawang Scopus dan MyJurnal. Sebanyak 479 artikel telah ditemui hasil carian daripada laman sesawang Scopus dan MyJurnal tetapi, hanya 10 artikel yang berkaitan sahaja akan dibincangkan. Kajian ini berharap dapat menjadi salah satu rujukan atau topik yang dapat dibahaskan dengan lebih terperinci oleh pengkaji akan datang. Hasil dapatan kajian ini dijangka akan membantu untuk memudahkan dalam prosedur tuntutan pampasan bagi kes kemalangan jalan raya sekali gus membantu hakim dalam penghukuman terhadap penjenayah.

*Kata kunci: Diat, mekanisme, pampasan, kemalangan, PRISMA, penghukuman*

## PENGENALAN

Diat merupakan satu mekanisme yang telah wujud dan telah disebutkan akan pensyariatannya dalam Al-Quran dan Hadis. Dalam syariat Islam hukuman ke atas kesalahan merupakan salah satu aspek yang penting. Sistem hukuman jenayah Islam mempunyai pelbagai peruntukan dan hukuman bagi menjamin kesejahteraan hidup manusia sejagat dan memberi hak kepada yang berhak secara adil dan saksama. Ulama-ulama silam dan semasa banyak menulis dan membincangkan setiap aspek yang berkaitan hukum jenayah Islam. Antaranya adalah hukuman diat dilihat sebagai suatu perbahasan yang penting dalam aspek hukum jenayah Islam (Abdullah et al., 2012).

Namun begitu, perbahasan yang di bincangkan hanya dari segi teori dan hukum bukan dari segi proses implimentasiannya. Lebih-lebih lagi dalam kes-kes kemalangan jalan raya yang mana sering berlaku dalam kehidupan seharian dan sudah tidak kedengaran asing lagi. Dalam satu kajian oleh Abdul Mutalib (2004) mendefinisikan diat sebagai sejumlah bayaran tertentu yang harus diberikan kepada mangsa atau waris mangsa kemalangan mati atau kecederaan akibat dari kecuaiian pihak-pihak tertentu.

Secara umumnya, diat bermaksud sejumlah harta yang wajib dibayar oleh penjenayah kepada mangsa atau warisnya sebagai pampasan disebabkan melakukan sesuatu jenayah yang melibatkan nyawa (kematian) atau kehilangan akal atau kecederaan anggota-anggota badan atau kehilangan fungsi anggota-anggota tersebut (Abdullah et al., 2012).

Oleh itu, kajian ini dijangka akan membantu untuk memudahkan dalam prosedur tuntutan pampasan bagi kes kemalangan jalan raya sekali gus membantu hakim dalam penghukuman terhadap penjenayah. Justeru, kajian ini ingin mengkaji kaedah pelaksanaan dalam garis panduan pampasan kemalangan jalan raya yang berasaskan sistem Diat di Malaysia serta menjadi rujukan dan topik yang akan dibincangkan oleh pengkaji yang akan datang.

## METODOLOGI

Metodologi memainkan peranan yang penting dalam mencapai objektif dalam sesebuah kajian (Baharuddin, 2017). Oleh itu, dalam kajian ini metodologi yang digunakan dalam pengumpulan data adalah dengan melakukan pencarian yang menfokuskan pada dua pengkalan data iaitu, laman sesawang Scopus dan MyJurnal sahaja. Scopus adalah salah satu platform pengkalan data bagi penulisan akademik yang mengandungi ribuan penulisan yang hanya terpilih dari serata dunia, dan ianya boleh dilayari di pautan <https://www.scopus.com/>. Manakala, MyJurnal adalah salah satu platform pengkalan data bagi pengumpulan penulisan yang hanya diterbitkan di Malaysia sahaja, dan ianya boleh dilayari di pautan <http://myjurnal.my>.


Dalam pencarian data pada fasa pertama iaitu fasa pengenalan, pengkaji akan menggunakan beberapa kata kunci yang berkaitan dengan kajian dalam pencarian data tersebut. Dengan itu, semakin banyak kata kunci yang digunakan dalam pencarian, semakin besar potensi untuk mendapatkan data maklumat yang dicari berkenaan artikel yang berkaitan tersebut. Seterusnya, pengkaji akan menggunakan kata kunci umum untuk mencari artikel didalam Scopus dan MyJurnal seperti "*Diyat*", "*Accident Compensation*", "*Islamic Insurance*", "*Aqilah*" dan "*Diyat Compensation*". Dalam pencarian oleh pengkaji menggunakan kata kunci tersebut, mendapati banyak artikel-artikel yang tidak berkaitan muncul dan sesetengah kata kunci tidak dapat memperolehi apa-apa artikel. Walaupun pengkaji menggunakan kata kunci yang khusus dalam pencarian pengkalan data, pengkaji mendapati terdapat juga artikel yang berkaitan malah ada juga artikel yang tidak berkaitan dan

kemungkinan kehilangan rekod pencarian. Rajah 1 dan 2 menunjukkan contoh pencarian pengkalan data yang digunakan dalam kajian ini, iaitu Scopus dan MyJurnal.

Kata kunci      Boolean operator AND      Boolean operator OR

ALL (diyat) AND (LIMIT-TO (PUBYEAR, 2021) OR LIMIT-TO (PUBYEAR, 2020) OR LIMIT-TO (PUBYEAR, 2019) OR LIMIT-TO (PUBYEAR, 2018) OR LIMIT-TO (PUBYEAR, 2017) OR LIMIT-TO (PUBYEAR, 2016) OR LIMIT-TO (PUBYEAR, 2015) OR LIMIT-TO (PUBYEAR, 2014) OR LIMIT-TO (PUBYEAR, 2013) OR LIMIT-TO (PUBYEAR, 2012) OR LIMIT-TO (PUBYEAR, 2011)) AND (LIMIT-TO (AFFILCOUNTRY, "Malaysia")) AND (LIMIT-TO (DOCTYPE, "ar"))

**Rajah 1:** Contoh carian yang digunakan dalam pautan Scopus



**Rajah 2:** Contoh carian yang digunakan dalam pautan MyJurnal

Berdasarkan rajah diatas, pengkaji menggunakan kata kunci yang lebih spesifik atau khusus seperti yang disebutkan diatas bagi mendapatkan data carian. Pengkaji juga menghadkan tempoh penerbitan atau tahun penerbitan daripada tahun 2012 sehingga tahun 2022. Hasil carian juga menghadkan kepada artikel sahaja. Hasil dapatan mendapati sebanyak 452 artikel yang diperolehi daripada platform Scopus, manakala sebanyak 40 artikel yang diperolehi daripada platform MyJurnal.


Kriteria	Kelayakan	Pengecualian
Jenis Literatur	Artikel Jurnal	Bab bahagian buku, kertas kerja seminar, buku
Negara	Malaysia	Negara lain
Tahun Terbitan	Dari tahun 2012 sehingga 2022	Tahun 2011 dan kebawah

**Jadual 1:** Senarai kriteria, kelayakan dan pengecualian kajian

Seterusnya, pengkaji mula mengumpulkan hasil data carian daripada artikel yang diperolehi melalui platform Scopus dan MyJurnal. Kemudian, pengkaji akan menggunakan Microsoft Excel untuk disaring artikel-artikel yang berulang didalam kedua-dua pengkalan data, data daripada Scopus akan dikekalkan dan data daripada MyJurnal akan dihapus serta data Scopus diutamakan kerana penulisan artikel daripadanya lebih bersifat global. Dalam proses menganalisis artikel-artikel disaring dan dikeluarkan artikel yang berulang serta jumlah yang dikeluarkan adalah sebanyak 6 artikel. Oleh itu, hasil carian akan mengumpulkan artikel data yang diperolehi daripada kedua-kedua laman sesawang tersebut adalah sebanyak 492

artikel. Walau bagaimanapun, setelah pengkaji meneliti artikel-artikel tersebut, mendapati sebanyak 474 artikel perlu dikeluarkan kerana artikel tersebut tidak berkaitan dengan dengan tajuk kajian ini. Maka dengan itu kelayakan dalam menganalisis artikel menjadikan sebanyak 16 artikel sahaja. Rajah 3 menunjukkan carta aliran PRISMA seperti dibawah:

**Jadual 3:** Carta aliran PRISMA



## DAPATAN KAJIAN

### Bilangan Terbitan

Jumlah keseluruhan sebanyak 492 artikel yang diperolehi berdasarkan kata kunci yang dibuat carian melalui dua laman sesawang tersebut. Pecahan-pecahan hasil data carian artikel dapat dilihat melalui jadual 2 dibawah:

No.	Kata Kunci	Scopus	MyJurnal	Jumlah	Peratus (%)
1.	Diyat	11	9	20	4.07
2.	Accident compensation	178	0	178	36.18
3.	Islamic Insurance	252	27	279	56.7
4.	Aqilah	8	3	11	2.23
5.	Diyat Compensation	3	1	4	0.81
<b>Jumlah</b>		<b>452</b>	<b>40</b>	<b>492</b>	<b>100%</b>

**Jadual 2:** Jumlah bilangan artikel yang diperolehi daripada (Scopus dan MyJurnal)

Walaupun bagaimanapun, penelitian mendapati 13 artikel didalam Scopus dan MyJurnal telah pun dikeluarkan kerana berulang. Maka, jumlah keseluruhan akhir artikel untuk dikenal pasti berdasarkan dua platform pengkalan data tersebut adalah sebanyak 479 artikel. Kemudian, dapatan hasil carian data hanya 16 artikel diambil kira bagi kajian ini kerana berkaitan dengan tajuk, manakala 463 artikel dikecualikan kerana terkeluar daripada skop kajian ini.

No.	Tahun Terbitan	Bilangan Terbitan		Jumlah	Peratusan (%)
		Scopus	MyJurnal		
1.	2022	0	0	0	0
2.	2021	0	0	0	0
3.	2020	0	1	1	6.25
4.	2019	4	0	4	25
5.	2018	0	1	1	6.25
6.	2017	0	1	1	6.25
7.	2016	1	0	1	6.25
8.	2015	1	1	2	12.5
9.	2014	2	0	2	12.5
10.	2013	1	0	1	6.25
11.	2012	2	1	3	18.75
	<b>Jumlah</b>	<b>11</b>	<b>5</b>	<b>16</b>	<b>100 %</b>

**Jadual 3:** Hasil saringan terakhir berdasarkan tahun terbitan daripada (Scopus dan MyJurnal).

### Pecahan Bilangan Artikel Mengikut Pengarang

Jadual 4 menunjukkan bilangan artikel yang dinilai kelayakannya berdasarkan bilangan pengarang yang terlibat dalam penerbitan artikel tersebut. Senarai artikel tersebut dibahagikan kepada 4 kategori:

- a) Seorang pengarang,
- b) Dua orang pengarang,
- c) Tiga orang pengarang,
- d) Empat orang pengarang atau lebih,

No.	Bilangan Pengarang	(Scopus)	Peratusan (%)
1.	Seorang pengarang	3	27.27
2.	Dua orang pengarang	2	18.18
3.	Tiga orang pengarang	2	18.18
4.	Empat orang pengarang atau lebih	4	36.36
	<b>Jumlah</b>	<b>11</b>	<b>100 %</b>

**Jadual 4:** Bilangan terbitan berdasarkan kepada bilangan pengarang dalam laman sesawang Scopus

Berdasarkan hasil carian data menggunakan platform laman sesawang Scopus mendapati, artikel yang diterbitkan oleh empat orang pengarang atau lebih mencatat peratusan yang tertinggi sebanyak (36.36%), diikuti oleh seorang pengarang sebanyak (27.27%). Walaubagaimanapun, terdapat peratusan yang sama oleh dua dan tiga orang pengarang sebanyak (18.18%).

No.	Bilangan Pengarang	(MyJurnal)	Peratusan (%)
1.	Seorang pengarang	3	60
2.	Dua orang pengarang	1	20
3.	Tiga orang pengarang	1	20
4.	Empat orang pengarang atau lebih	0	0
	<b>Jumlah</b>	<b>5</b>	<b>100 %</b>

**Jadual 5:** Bilangan terbitan berdasarkan kepada bilangan pengarang dalam laman sesawang MyJurnal

Manakala, berdasarkan hasil carian data menggunakan platform laman sesawang MyJurnal pula mendapati, artikel yang diterbitkan oleh satu orang pengarang mencatat peratusan yang tertinggi sebanyak (60%). Selain itu, terdapat peratusan yang sama oleh dua dan tiga orang pengarang iaitu sebanyak (20%). Walaubagaimanapun, terdapat (0%) peratusan oleh empat orang pengarang atau lebih.

## **PERBINCANGAN**

Dalam satu kajian oleh Ismail (2012) mendefinisikan diyat sebagai wang darah adalah sejumlah wang yang perlu dibayar oleh penjenayah atau keluarganya dalam kes "Qisas dan Diyat", yang secara umumnya melibatkan kes pembunuhan atau menyebabkan kecederaan diri. Namun, menurut beliau pelaksanaan sistem diat dalam perundangan kini dilihat agak sukar

berikutan perubahan pada arus realiti semasa. Beliau mendapati akan keperluan sistem diat ini melalui kajian semula dengan lebih terperinci sesuai dengan realiti kehidupan masyarakat semasa.

Seterusnya, menurut Musa (2015) mendefinisikan diyat satu bentuk hukuman yang mewajibkan tertuduh yang disabitkan atau keluarganya membayar pampasan dalam bentuk wang kepada mangsa. Secara amnya hukuman ini diperuntukkan bagi jenayah yang dilakukan ke atas nyawa dan tubuh badan iaitu jenayah membunuh dan mencederakan. Menurut beliau lagi, diyat merupakan satu bentuk hukuman yang dinyatakan dalam al-Quran. Walau bagaimanapun, pelaksanaan hukuman tersebut di Malaysia boleh menjadi sukar sekiranya unta dijadikan sebagai asas pembayaran. Dapatan kajian beliau, mencadangkan dengan mengguna pakai nilai emas dan perak sebagai penentu kepada kadar pampasan diyat yang dikenakan ke atas tertuduh yang disabitkan.

Tambahan lagi, dalam kajian lain oleh Husni et al., (2013) menerangkan bagi sesetengah negara Islam, kes kemalangan jalan raya dikategorikan sebagai kesalahan kecederaan dan membunuh tidak sengaja. Dalam undang-undang negara tersebut memperuntukkan pihak yang terlibat seperti mangsa atau warisnya untuk menuntut bayaran diyat daripada pesalah yang akan dibayar oleh aqilah iaitu ahli keluarga lelaki. Menurut beliau lagi, penting untuk dikaji kerana institusi insurans adalah institusi kewangan yang lebih efektif dalam melindungi para pencarumnya dan berpotensi untuk menggantikan sistem aqilah yang terlalu terhad kapasiti kewangannya. Dapatan kajian beliau mendapati akan institusi insurans berpotensi untuk menggantikan peranan sistem aqilah dalam pembayaran diyat kepada mangsa atau keluarganya yang terlibat dalam kes kemalangan jalan raya. Hal ini kerana, institusi insurans mempunyai persamaan dengan sistem aqilah dari aspek konsep asas, peranan dan juga operasi dalam mencapai matlamat sistem aqilah.

Selain itu, dalam kajian Samudin dan Ismail (2018) menyentuh tentang perbandingan undang-undang diat dengan akta undang-undang Sivill 1956 keduanya menyediakan pampasan yang berbeza. Mengikut sistem diat dikenakan melihat kepada kecederaan atau kematian, manakala akta undang-undang Sivill 1956 memperuntukkan ganti rugi am seperti kerosakan harta benda. Persoalan yang timbul juga adalah apakah kadar diat yang sesuai untuk diaplikasikan di Malaysia. Hasil dapatan beliau mengatakan bahawa pampasan berdasarkan diyat mengikut penilaian emas adalah kaedah terbaik dan mungkin dapat memaksimumkan keadilan untuk mangsa kemalangan jalan raya kerana nilainya lebih stabil berbanding kepada medium lain.

Di samping itu, dalam kajian lain, Samudin (2020) menerangkan statistik jangkaan peningkatan indeks kematian akibat kemalangan jalan raya di Malaysia pada tahun 2020 dengan kadar 29 kematian sehari adalah suatu yang amat membimbangkan. Walaupun, inisiatif yang di ambil oleh kerajaan seperti Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) telah mewajibkan setiap pemilik kenderaan untuk memiliki polisi insurans motor bagi untuk melindungi ahlinya daripada sebarang kerugian sebagaimana sebelum kemalangan jalan raya berlaku. Namun, ianya tidak memberi apa-apa makna bagi mangsa yang tidak memiliki polisi insurans. Melihat kepada situasi, satu kaedah pemberian pampasan yang paling efektif perlu diwujudkan agar setiap mangsa yang terlibat dalam kemalangan jalan raya mendapat hak sewajarnya.

Seterusnya, dalam satu kajian oleh Abdul Mutalib (2019) mengupas tentang nilai kesesuaian “Takaful Diat” dalam menggantikan takrif “Aqilah”. Menurut kajian beliau, syarikat insurans takaful dilihat lebih mampu dan bertanggungjawab menggantikan Aqilah. Beliau mencadangkan agar mekanisme yang boleh mewajibkan sumbangan sedemikian kepada setiap individu seperti Takaful Diat supaya kebajikan mangsa terpelihara. Menurut

beliau lagi, Takaful Diat dapat menyediakan perlindungan melalui skim insurans yang direka khas untuk membayar mangsa dengan jumlah pampasan yang tertentu mengikut hukum Syarak.

Selain itu, dalam satu kajian oleh Abdul Khalil et al., (2017) membahaskan tentang konsep Takaful dan Aqilah yang berkisarkan sejak 1973 hak mangsa kemalangan jalan raya di Malaysia telah dilindungi oleh undang-undang melalui mandatori wajib bagi setiap pemilik kenderaan iaitu insurans. Walaupun demikian, perkhidmatan yang ditawarkan adalah sangat baik bagi penyediaan dana yang menjanjikan pampasan kepada pihak ketiga ia tetap di anggap haram atau tidak dibolehkan kerana operasinya tidak mematuhi beberapa prinsip Islam. Oleh hal itu, sebagai alternatif, Takafak telah dibentuk pada tahun 1984 dalam institusi kewangan. Dapatan hasil kajian beliau menyatakan Takaful dan Aqilah adalah berasaskan kerjasama atau prinsip Al-Tanasur tetapi terdapat perbezaan dalam konsep kedua-duanya. Oleh itu, Takaful bukanlah analogi kepada Aqilah tetapi sebagai alternatif sahaja.

Walaubagaimanapun, dalam satu kajian oleh Hassan (2019) menyatakan Takaful sebagai insurans iaitu alternatif dalam pembayaran pampasan. Menurut beliau, insurans Takaful yang pertama sekali ditubuhkan adalah di Sudan pada tahun 1979 dan telah berkembang ke pelbagai pelosok dunia serta menjadi salah satu produk penting yang dikomersialkan dalam pasaran kewangan antarabangsa. Menurut beliau lagi, beberapa organisai Islam seperti Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam dan Organisai Perakaunan dan Pengauditan Institusi Kewangan Islam telah menyediakan garis panduan serta penyeliaan bagi membangunkan dan mengukuhkan lagi industri Takaful. Hasil dapatan kajian beliau, mendapati akan Takaful sebagai industri insurans berpontesi untuk berkembang pada masa hadapan.

Dalam pada itu, satu kajian oleh Husni (2014) membincangkan tentang peningkatan kematian dalam kemalangan jalan raya yang melibatkan penunggang motosikal yang mana sebahagiannya adalah kes jenayah. Dalam kajian beliau mendapati masih ramai lagi orang tidak mengetahui tentang peruntukan bunuh (Pampasan) dan wang darah (Diat) yang wajib dibayar oleh Aqilah. Dalam kajiian beliau mengupas tentang pandangan dari empat Mazhab dan ulama kontemporari dan hasil dapatan kajian mendapati pandangan kebanyakan ulama menjerumus kearah peruntukan dan perkembangan yang dapat berkembang mengikut peredaran semasa. Selain itu, kajian beliau turut mendapati jika pesalah tiada Aqilah atau Aqilah pesalah tidak mampu membayar wang darah (Diat) maka Baitulmal atau wakilnya harus membayar wang darah (Diat) tersebut.

Seterusnya dalam satu kajian lain oleh Awang (2012) mengupas tentang hukuman mati yang diperuntukan dalam Undang-Undang Jenayah Islam (ICL) dan Hukuman Kanun Keseksan Malaysia (MPC). Menurut beliau, kedua-dua undang-undang tersebut membenarkan hak pengampunan seperti didalam MPC hanya diberikan pengampunan oleh Lembaga Pengampun, sebaliknya ICL menawarkan tiga pilihan iaitu Qisas, Diat dan Pengampunan oleh keluarga mangsa. Oleh hal yang demikian, beliau mencadangkan akan peruntukan Diat perlu dimasukkan bagi menyelesaikan kes pembunuhan yang bertanggung pelaksanaannya dan juga menyahut seruan pemansuhan hukuman mati. Beliau juga mencadangkan proses penyelarasan antara dua sistem undang-undang tersebut.

## **KESIMPULAN**

Dalam kajian ini, pengkaji menjalankan kajian sorotan sistematik (SLR) dalam aplikasi garis panduan kemalangan jalan raya berasaskan sistem diat di Malaysia. Carta aliran PRISMA digunakan dalam menganalisis penerbitan artikel yang dicari melalui dua pengkalan data iaitu



Scopus dan MyJurnal dari tahun 2012 sehingga 2022. Secara umumnya, pengaplikasian garis panduan pampasan kemalangan jalan raya yang berasaskan sistem diat di Malaysia adalah satu cabaran dalam implimentasiannya. Oleh itu, kajian yang mendalam dan terperinci perlu dijalankan mengenai konsep dan kadar pampasan berasaskan sistem diat dalam arus realiti semasa di Malaysia. Berdasarkan analisis oleh pengkaji, mendapati kebanyakan artikel hanya membincangkan teori dan perbincangan mengenai konsep dan kadar diat. Oleh hal itu, kajian ini dijangka akan membentuk atau implimentasi seperti pembentukan satu garis panduan kerangka prosedur bagi pampasan kemalangan jalan raya yang berasaskan sistem diat. Kajian ini juga berhasrat untuk membantu golongan yang terbeban kesan daripada kemalangan jalan raya.

## **PENGHARGAAN**

Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di atas sokongan yang diberikan melalui geran “Mekanisme Penilaian Ganti Rugi Berdasarkan Diat (Sifir Diat) Bagi Penyelesaian Pampasan Kemalangan Maut Dan Kecederaan Diri Akibat Nahas Jalan Raya Di Malaysia” (FRGS/1/2020/SSI0/USIM/02/15).

## **RUJUKAN**

- Abdul Mutalib, L. (2004). *Diat Mengikut Realiti Kehartaan dan Kekeluargaan di Malaysia. Tesis Ph.D. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.*
- Abdul Mutalib, L., Mas'ad, M. A., Muda, R., Hasan, Z. dan Hj Hanafi, L. H. (2017). *Kaedah Pelaksanaan Sistem Diat Dalam Kes-Kes Kemalangan Jalanraya Di Malaysia; Satu Tinjauan Awal.* Malaysian Journal of Syariah and Law, Vol 6, 200.
- Abdul Mutalib, L., Baharuddin, S., Wan Ismail, W. A. F. (2019). *Takaful Diat: Alternative Compensation Mechanism for Road Accidents in Malaysia.* International Journal of Recent Technology and Engineering (IJRTE), 8, 2 S11, 8.
- Abdullah, M. N., Hashim, H., Yusof, N., A. Shukor, H., Chow Jen, N. Z., Ghulam Khan, I. N. (2012). *Diyat Dalam Perundangan Islam.* Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia. Penerbit Usim.
- Abdul Khalil, S., Ali, A. K., & Hj Abdullah, L. (2017). *Takaful sebagai alternatif kepada 'aqilah dalam menjelaskan pampasan kepada pihak ketiga: perbincangan isu-isu fiqh berbangkit.* Jurnal Fiqh, Vol 14, No. 1, 119-146.
- Awang, A. R. B. (2012). *Diyah (blood money) as substitution to capital punishment: An attempt towards harmonisation between Shari'ah and Malaysian Penal Code.* Australian Journal of Basic and Applied Sciences, 6(11), 106-112.
- Husni, A. B. M., Omar, A. F., Alias M. N., & Samuri, M. A. A. (2014). *The reality, provisions and conditions of Aqilah.* Medwell Journals. The Social Sciences, Vol 9(2), 84-90.
- Husni, A. M, Omar, A. F., Alias, M. N., & Samuri, M. A. A. (2013). *The status of insurance as an alternative to aqilah for diyat payments pertaining to road accidents.* Jurnal Hadhari: An International Journal, Vol 5, No. 1, 141-160.

- Hassan, H. A. (2019). *Takaful models: origin, progression and future*. Emerald Publishing Limited. The Social Sciences, 9 (2). 84-90.
- Musa, M. H. (2015). *Penggunaan emas dan perak dalam menentukan nilai pampasan diyat: suatu analisis ke atas nilai pertukaran mata wang semasa*. Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat, Vol 19, 27-33.
- Ismail, P. (2012). *Pelaksanaan diyat dalam kerangka perundangan di Malaysia: cabaran fiqh semasa*. Jurnal Fiqh, Vol 9, 1-20.
- Samudin, S. A. & Ismail, S. Z. (2018). *Tuntutan pampasan bagi kes kemalangan jalan raya di Malaysia: kaedah alternatif berasaskan diyat*. Journal of Shariah Law Research, Vol 3, No. 1, 89-104.
- Samudin, S. A. (2020). *Pampasan Ganti Rugi Ke Atas Mangsa Kemalangan Jalan Raya: Titik Integrasi Antara Diyat Dan Insurans Di Malaysia*. E-Journal of Islamic Thought & Understanding, Vol 3, No. 2, 15-37.